


KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN TERENGGANU



ISTANA SYARQIYYAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

TITAH PERUTUSAN
KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN
SEMPENA
KETIBAAN AIDIL FITRI TAHUN 1441H



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian Beta panjatkan kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sollallahu Alaihi Wasallam, para keluarga dan sahabat Baginda Sollallahu Alaihi Wasallam.

Syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia-Nya Beta dan rakyat jelata semua masih diberi kesihatan yang baik untuk meneruskan hari-hari terakhir berpuasa di bulan Ramadhan yang penuh keberkatan dan pengampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Beberapa hari lagi Ramadhan akan meninggalkan kita, justeru pertingkatkanlah amalan di hari-hari terakhir ini, moga-moga kita semua tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang diterima segala amalan sepanjang bulan Ramadhan dan diberi keampunan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Apabila Ramadhan berlalu pergi, Syawal akan tiba menggantikannya, bermakna, kita akan menyambut 1 Syawal yang merupakan hari kemenangan kepada seluruh umat Islam setelah menghadapi pelbagai cabaran sebulan berpuasa.

Dikesempatan ini, Beta dan Sultanah mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri tahun 1441 Hijrah bersamaan 2020 Masihi. Semoga sambutan hari raya tahun ini memberi seribu makna dan pengajaran kepada kita lebih-lebih lagi sambutan tahun ini ianya amat berbeza dari tahun-tahun sebelumnya disebabkan wabak Covid-19 yang masih melanda negara kita khususnya dan dunia amnya, dan belum pasti bila ianya akan berakhir.

Solat sunat hari raya di masjid-masjid dan surau-sarau tidak dibenarkan, aktiviti ziarah-menziarahi dan kunjung mengunjung dihadkan, tiada lagi salam-bersalaman sesama kita, tiada rumah terbuka yang menghidangkan juadah pelbagai rasa dan warna. Justeru sambutan hari raya tahun ini akan sentiasa menjadi ingatan kepada kita semua.

Namun begitu ianya bukanlah menjadi penyebab untuk kita tidak meraikannya kerana Aidilfitri ialah hari kebesaran umat Islam, yang perlu disambut dengan bertakbir dan bertahmid memuji keagungan Illahi, hari umat Islam merayakan kejayaan dapat menyempurnakan ibadah puasa selama sebulan.

Muslimin dan muslimat sekalian,

Perlu kita fahami bahawa matlamat hari raya bukan semata-mata hari yang disambut dengan kegembiraan dan hidangan pelbagai makanan bahkan matlamat sambutan hari raya dalam Islam adalah jelas iaitu mengajak umat Islam agar kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan bertakbir dan bertahmid, memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala seterusnya mengamalkan sifat kemurahan hati dan mengeratkan silaturrahim sesama kita.

Sambutlah Aidilfitri mengikut lunas yang ditetapkan syarak, lunas yang memiliki nilai ibadah, agar amal ibadat yang dilakukan sepanjang Ramadhan yang lalu menjadi lengkap dan sempurna. Hindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang, termasuk pembaziran dan bermewah-mewahan.

Disamping itu, janganlah kita lupa kepada saudara-mara dan jiran tetangga terdekat kita yang kemungkinan terjejas dan terkesan dengan wabak Covid-19. Bantulah mereka agar sama-sama merasai kegembiraan menyambut Hari Raya. Berkongsilah limpahan nikmat dan rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan sedekah kepada golongan daif dan golongan yang memerlukan bantuan agar mereka juga dapat mengukir senyuman gembira di hari raya nanti.

Muslimin dan muslimat sekalian,

Sukacita Beta mengingatkan, dalam kerian kita menyambut Aidilfitri, sama-samalah kita menghargai pengorbanan yang dilakukan oleh barisan hadapan yang bekerja membendung wabak Covid-19 dari terus merebak terutama Doktor dan Jururawat serta Kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) , pasukan keselamatan yang terdiri dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), RELA dan semua pihak yang berterusan mencurahkan khidmat bakti bagi memastikan kita semua dilindungi dan selamat sehingga membolehkan Aidilfitri disambut dalam suasana aman, tenteram, riang dan meriah walaupun dalam suasana terhad dan terbatas. Ketika kita semua bergembira, mereka terus melaksanakan pelbagai tugas penting untuk kita.

Beta difahamkan di Terengganu, atas khidmat yang diberikan oleh barisan hadapan dan kepatuhan rakyat jelata kepada arahan pihak berkuasa, wabak Covid-19 dapat dikawal sepenuhnya. Justeru itu kepada barisan hadapan dan keluarga mereka, Beta dan Sultanah menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih. Semoga pengorbanan dan khidmat bakti dalam melaksanakan amanah yang diberikan itu, Beta dan Sultanah doakan ianya diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal jariah yang dikurniakan keberkatan semasa di dunia, dilimpahkan rahmat keselesaan ketika di alam barzakh dan diberatkan timbangan amal ketika di Padang Mahsyar nanti. Amin Ya Rabbal Alamin.

Muslimin dan muslimat sekalian,

Kepada rakyat jelata, Beta nasihatkan jaga kebersihan diri, terus berada di rumah, keluar apabila perlu sahaja dan sentiasa mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari masa ke semasa sepanjang tempoh larangan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) disebabkan wabak Covid-19.

Sambutlah Aidilfitri dalam suasana gembira dan dalam semangat bersyukur ke hadrat Ilahi. Perbanyakkanlah takbir dan tahmid di malam 1 Syawal nanti, juga lakukannya di pagi 1 syawal sebelum solat sunat Idulfitri bersama keluarga di rumah masing-masing, moga-moga ianya menjadi asbab kepada terangkatnya musibah wabak Covid-19 dari kita semua.

Rasulullah Sollallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang diriwayatkan oleh Tabrani yang bermaksud:

“Hiasilah hari raya kamu dengan takbir.”

Selain dari itu, sama-sama kita lakukan amalan sunat yang amat dituntut di bulan Syawal iaitu berpuasa sunat enam hari. Rebutlah peluang ini sebagai satu lagi tanda rasa bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Beta sekali lagi mengharapkan agar rakyat jelata terus bersabar dan perbanyakkan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala dalam menghadapi ujian Wabak Covid-19. Yakin dan percayalah bahawa wabak ini merupakan satu ujian dari Allah Subhanahu Wata’ala untuk mendidik diri kita supaya menerima sesuatu musibah dengan hati yang tenang dan sabar, hanya Allah Subhanahu Wata’ala jua yang mengetahui hikmah disebalik musibah ini, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata’ala di dalam surah At-Taghaabun ayat 11 yang bermaksud:

“Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

Akhirnya, Beta dan Sultanah sekali lagi mengucapkan selamat menyambut Aidilfitri kepada muslimin dan muslimat dan Beta doakan seluruh rakyat Beta sentiasa berada dalam taufik dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang masa dan dijauhkan-Nya dari wabak Covid-19.

Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin.

Sekian, Wabillahil Taufiq Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

*Termaktub di Istana Syarqiyyah,
Kuala Terengganu.*

*Pada 26 haribulan Ramadhan tahun 1441 hijrah
Bersamaan 19 haribulan Mei tahun 2020 masihi.*